

# ALLAVIN EXPECTORANT SYRUP

Ammonium chloride/Diphenhydramine hydrochloride (135mg/14mg per 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Allavin Expectorant
2. Bagaimana Allavin Expectorant berfungsi
3. Sebelum menggunakan Allavin Expectorant
4. Cara menggunakan Allavin Expectorant
5. Semasa menggunakan Allavin Expectorant
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Allavin Expectorant
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Allavin Expectorant

Allavin Expectorant digunakan untuk melegakan batuk dan komplikasi berkaitan dengan hipersensitiviti dan manifestasi alahan saluran pernafasan seperti demam selesema, *bronchitis* (radang saluran yang membawa udara ke paru-paru).

## Bagaimana Allavin Expectorant berfungsi

Diphenhydramine hydrochloride berfungsi dengan menyekat bahan semulajadi badan (histamina) yang dihasilkan semasa tindak balas alergik/alahan. Kesan pengeringan untuk simptom-simptom mata dan hidung berair adalah disebabkan oleh penyekatan satu lagi bahan semulajadi badan (*acetylcholine*).

Ammonium chloride adalah ekspektoran yang mempunyai tindakan iritasi pada saluran pernafasan. Ini meningkatkan jumlah rembesan dalam saluran pernafasan dan mengurangkan kelikatan kahak yang mungkin memudahkan kahak dibatuk keluar.

## Sebelum menggunakan Allavin Expectorant

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Allavin Expectorant sekiranya anda:

- alergik/alah kepada sebarang ubat-ubatan yang mengandungi diphenhydramine, ammonium

chloride atau bahan lain dari produk ini.

- Mempunyai *porphyria* (penghasilan heme yang tidak normal yang selalunya menjelaskan sistem saraf dan kulit).
- Mempunyai sawan, kelenjar prostat membesar, kesukaran membuang air kecil, glaukoma (tekanan dalam mata tinggi) dan masalah hati.
- sedang atau telah mengambil *monoamine oxidase inhibitors*, iaitu ubat digunakan untuk merawat masalah kemurungan.
- hamil atau menyusukan bayi.

Untuk bayi dan kanak-kanak di bawah 4 tahun, ambil ubat ini seperti yang diarahkan oleh doktor.

Jangan mengambil ubat selepas tarikh luputnya seperti tertulis di pek bungkusannya atau sekiranya bungkusian sudah koyak atau ada tanda sudah dibuka.

Sekiranya sudah tamat tempoh atau rosak, kembalikan pada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Sekiranya anda tidak pasti sama ada anda harus mengambil ubat ini, bincang dengan ahli farmasi atau doktor anda.

### - Sebelum menggunakan Allavin Expectorant

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda ada alergi/alahan terhadap sebarang ubat, makanan, bahan pengawet atau pewarna.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda hamil atau merancang untuk hamil atau menyusukan bayi semasa dalam rawatan.

Jika digunakan untuk batuk dan demam selesema:

- (a) Tidak boleh digunakan untuk kanak-kanak berumur bawah 2 tahun.
- (b) Digunakan dengan berhati-hati dengan nasihat doctor / ahli farmasi untuk kanak-kanak berumur 2 hingga 6 tahun.

Doktor atau ahli farmasi anda akan membincangkan risiko dan faedah yang terlibat dengan pengambilan ubat ini.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu ahli farmasi anda ubat-ubatan yang anda beli termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Allavin Expectorant dan ubat-ubatan lain boleh mengganggu antara satu sama lain. Ini termasuk:

- barbiturates
- hypnotik
- penenang sedatif

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai lebih maklumat tentang ubat-ubatan yang perlu diambil perhatian atau dielakkan semasa mengambil ubat ini.

## Cara menggunakan Allavin Expectorant

Ikuti dengan berhati-hati segala arahan yang diberikan oleh ahli farmasi atau doktor anda. Arahannya mungkin berbeza dari maklumat dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak memahami arahan yang bertulis pada label botol, bertanyalah dengan ahli farmasi, jururawat atau doktor anda untuk menerangkan kepada anda arahan tersebut.

### - Berapa banyak harus digunakan

*Dos dewasa dan kanak-kanak lebih 12 tahun*

10ml tiga hingga empat kali sehari.

*Dos kanak-kanak 4-12 tahun*

2.5ml hingga 5ml tiga hingga empat kali sehari.

### - Bila perlu digunakan

Ubat ini perlu diambil tiga hingga empat kali sehari jika perlu.

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Ubat batuk dan selesema biasanya diambil untuk jangka masa yang singkat sahaja sehingga simptom anda hilang.

Teruskan penggunaan Allavin Expectorant untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

#### - Jika terlupa menggunakan

Sekiranya anda mengambil ubat ini pada masa yang tetap dan anda terlupa mengambil satu dos, ambillah dos ini dengan segera sebaik sahaja teringat.

Walau bagaimanapun, jika sudah menghampiri waktu untuk dos berikutnya, biarkan sahaja dos yang terlupa tadi dan teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual pengambilan ubat. Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa diambil.

#### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dapatkan pemeriksaan perubatan sekiranya anda telah terlebih mengambil ubat ini.

Bagi bayi dan kanak-kanak, kesan merangsang sistem saraf pusat melebihi kesan menekan sistem saraf pusat, menyebabkan ataksia (gangguan koordinasi pergerakan), keterujaan, menggeletar, psikosis (penyakit mental yang menyebabkan kehilangan perhubungan dengan realiti), khayalan, konvulsi (sawan) dan suhu badan yang sangat tinggi. Koma yang menjadi teruk dan *cardiorespiratory collapse* (pemberhentian fungsi jantung dan paru-paru secara tiba-tiba) juga mungkin menyusul.

Bagi orang dewasa, depresi sistem saraf pusat lebih biasa berlaku iaitu mengantuk, koma dan konvulsi yang boleh membawa kepada kegagalan pernafasan atau kegagalan sistem kardiovaskular (pemberhentian peredaran darah pada otak dan organ lain.).

Ammonium chloride pada dos yang lebih tinggi boleh menyebabkan asidosis yang lebih teruk (peningkatan keasidan dalam darah dan tisu badan yang lain) dan hipokalemia (tahap kalium dalam darah yang rendah daripada normal).

#### **Semasa menggunakan Allavin Expectorant**

#### - Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu ahli farmasi dan doktor anda sekiranya simptom anda tidak bertambah baik. Ahli farmasi atau doktor anda akan memeriksa keadaan anda dan akan memberitahu sama ada anda perlu meneruskan atau tidak pengambilan ubat ini.

Beritahu doktor, doktor gigi dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil Allavin Expectorant.

Beritahu doktor anda dengan segera sekiranya anda hamil semasa mengambil ubat ini.

#### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan membeli atau menggunakan ubat-ubat lain untuk batuk, selesema atau alergi/alahan di luar kaunter tanpa bertanya kepada ahli farmasi atau doktor anda terlebih dahulu. Jika anda mengambil sesetengah ubat bersama-sama, anda berkemungkinan mengambil terlalu banyak ubat yang sama. Baca label ubat lain yang anda gunakan untuk memastikan sama ada ia mungkin mengandungi diphenhydramine atau ammonium chloride.

Jangan mengambil ubat ini untuk merawat masalah lain kecuali atas arahan ahli farmasi atau doktor anda.

Jangan beri ubat kepada orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama seperti anda.

Jangan mengambil lebih daripada dos yang disarankan kecuali atas arahan ahli farmasi atau doktor anda.

#### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Allavin Expectorant boleh menyebabkan kesan sampingan yang boleh mengganggu cara anda befabrik dan bertindak balas. Jangan memandu atau mengendalikan jentera yang memerlukan anda terjaga dan peka.

Elakkan minuman beralkohol. Ini akan meningkatkan kesan sampingan dari diphenhydramine.

#### **Kesan-sesan sampingan**

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda berasa tidak sihat

semasa mengambil Allavin Expectorant. Ubat ini membantu kebanyakan orang tetapi ia juga mempunyai kesan sampingan pada sesetengah orang.

Semua ubat boleh memberi kesan sampingan. Kadang-kadang ianya serius tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan sekiranya anda mengalami kesan-sesan sampingan tersebut.

Jangan bimbang dengan senarai kesan sampingan berikut. Anda mungkin tidak akan mengalaminya.

Hubungi doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengalami kesan sampingan berikut dan ianya membimbangkan anda:

- mengantuk
- pening
- kehilangan koordinasi
- kekeringan mulut
- mukus menjadi pekat
- penglihatan kabur
- kesukaran atau kesakitan semasa buang air kecil
- sembelit
- degupan jantung perlahan dan sementara diikuti dengan degupan jantung laju dengan berdebar dan tidak sekata.

Kesemua kesan sampingan tersebut boleh disebabkan oleh mana-mana antihistamina. Garam ammonium chloride akan merengsa lapisan perut dan membuatkan anda merasa mual dan muntah terutamanya diambil dalam dos yang tinggi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

#### **Cara penyimpanan dan pelupusan Allavin Expectorant**

#### - Penyimpanan

Simpan ubat ini di tempat yang dingin dan kering di mana suhunya sentiasa di bawah 30°C. Lindungi ubat ini daripada cahaya matahari. Pastikan semua ubat

tidak dapat dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Sirap berwarna hijau dan berperisa prun.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Setiap 5ml mengandungi Ammonium chloride 135mg dan Diphenhydramine hydrochloride 14mg.

- Bahan tidak aktif

- Methylparaben
- Propylparaben
- FD & C Blue 1
- Raspberry essence
- Purified water
- Propylene Glycol
- Liquid glucose
- Chloroform spirit
- Saccharin sodium
- Prune
- Sorbitol 70% solution
- Ariavit Quinoline Yellow
- Menthol

- Nombor MAL

MAL20020262AZ

**Pengilang**

Upah Pharmaceutical Mfg. (M) Sdn Bhd (53667-M)  
Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13,  
Bangi Industrial Estate,  
43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor Darul Ehsan.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Upah Pharmaceutical Mfg. (M) Sdn Bhd (53667-M)  
Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13,  
Bangi Industrial Estate,  
43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor Darul Ehsan.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

10/08/2017

**Nombor Siri**

NPRA(R4/1)090817/00201